

Sekitar banjir di Pantai Timur

# 10 lagi sekolah ditutup

Laluan dan jambatan digunakan murid atau pelajar dinaiki air, ditutup kepada semua kenderaan

>>Oleh Adnan Mohamad

am@hmetro.com.my

**K**OTA BHARU: Keadaan banjir di Kelantan makin buruk semalam apabila 10 lagi sekolah di Gua Musang dan Tanah Merah terpaksa ditutup selepas dinaiki air berikutan hujan berterusan sejak dua hari lalu.

Sebelum ini, lima sekolah di Kuala Krai terpaksa ditutup selepas dinaiki air lebih 0.5 meter dan menyebabkan lebih 10,000 murid tidak dapat ke sekolah.

Antara sekolah yang ditutup di Gua Musang adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Balai, SK Bihar, SK Sri Permai, SK Tohoi dan SK Pulat.

Di Tanah Merah pula, sekolah yang ditutup ialah SK

Sohor, SK Kampung Panjang, SK Tebing Tinggi, SK Ladang Kerela dan SM Ladang Kerela.

Pengarah Pelajaran Kelantan, Ismail Mohd Noor, berkata penutupan sekolah itu menyebabkan pembelajaran lebih 10,000 murid terjejas.

Menurutnya, penutupan sekolah tidak dapat dilakukan kerana laluan dan jambatan digunakan murid atau pelajar sudah dinaiki air dan terpaksa ditutup kepada semua kenderaan.

“Langkah itu terpaksa dilakukan bagi mengelak kejadian tidak diingini membabitkan pelajar dan murid terbabit,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, berkata sehingga kini, mangsa

yang dipindahkan bertambah kepada 130 orang daripada 73 orang kelmarin.

Antara mangsa yang dipindahkan itu, 120 dari Kuala Krai, manakala selebihnya dari Tanah Merah.

“Buat masa ini, semua mangsa ditempatkan di SK Telekong, SK Banggol Guchil dan Dewan Serbaguna Kampung Padang Kijang.

“Kami menjangka jumlah mangsa yang akan dipindahkan akan bertambah jika hujan berterusan,” katanya.

Unit Hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, menerusi jurucakapnya pula memberitahu, sehingga jam 6 petang semalam, tiga tempat sukan banjir di negeri itu menghampiri paras bahaya.

Menurutnya, Tambatan Diraja di Kota Bharu men-



**GERAI TERAPUNG...**beberapa penduduk Kampung Penambang, Kota Bharu bersarapan di gerai yang dinaiki air.

catkan paras air 4.9 meter (m) berbanding paras bahaya 5m.

Katanya, Tangga Krai di Kuala Krai pula mencatatkan 24.72m (bahaya-25m) dan

Sungai Golok di Rantau Panjang 8.48m (bahaya-9m).

“Tempat lain masih di paras waspada tapi kami akan terus mengawasi bacaannya,” katanya.

Beliau berkata, segala perediaan disediakan bagi memastikan penduduk di kawasan yang dilanda banjir dipindahkan ke pusat pemindahan.